

Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) telah menerima lawatan keusahawanan daripada Universiti Sains Malaysia (USM), pada 20 Januari 2011 yang lalu. Delegasi lawatan ini adalah terdiri daripada sepuluh (10) orang pensyarah, pegawai dan staf USM berserta 60 orang pelajar. Lawatan ini telah diketuai oleh En. Khairul Eruwan Bin Abdul Halim, Ketua Sektor Pembinaan Sahsiah Pelajar, USM.

Lawatan ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan perkongsian maklumat kepada pelajar dan staf USM yang terlibat dalam aktiviti pembangunan keusahawanan di Universiti ini untuk memantapkan bidang ini pada masa depan. Pihak USM juga sedang mengenal pasti sebarang bentuk kolaborasi atau kerjasama yang boleh diwujudkan di antara usahawan siswa UUM dan usahawan siswa USM pada masa akan datang.

Pengarah CEDI, Prof. Dr. Hassan Ali telah memberi ucapan aluan kepada para delegasi dan seterusnya sesi taklimat disampaikan oleh Encik Mohd Hanizan Zalazilah selaku Timbalan Pengarah CEDI. Selepas sesi taklimat selesai, para pelawat turut dibawa melawat ke Makmal Simulasi Perniagaan di bangunan tingkat bawah CEDI. Pelawat juga telah dibawa melawat ke Varsity Mall bagi melihat secara dekat perjalanan operasi perniagaan yang dikendalikan oleh pelajar UUM.

Tamat.

=====

DARIPADA:

INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI (CEDI)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL: 04-9285621/5622/5638/5632

FAX: 049285778/5614